# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 26 JUN 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | MAT SABU: SUFFICIENT FOOD SUPPLY FOR AIDILADHA, NATION, THE STAR -2<br>BEKALAN DAGIN MENCUKUPI UNTUK KEPERLUAN AIDILADHA - MOHAMAD SABU, SUARA SARAWAK -ONLINE<br>CHAN FOONG HIN: FREEZE ON PERAK RICE SALES TO OUT OF STATE IS A TEMPORARY MEASURE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 4. | 'GORGON' LEMBU SADO SATU TAN JADI TARIKAN PENGUNJUNG, DALAM NEGERI, UM -12 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 5.<br>6. | SISWAZAH HASIL 150,000 BENIH IKAN AIR TAWAR, NASIONAL, BH -24<br>MARINE REFUGE, NATION, THE STAR -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7.<br>8.<br><br>9.<br><br>10.<br><br>11.<br><br>12.<br><br>13.<br>14.<br>15.<br>16. | FAMA JAMIN BEKALAN MAKANAN AIDILADHA CUKUP, DALAM NEGERI, UM -11<br>FAMA AIMS SALES VOLUME DURING HARI RAYA HAJI HOTS RM11 MILLION, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14b<br>GOVERNMENT TARGETTING RM11MIL SALES IN AIDILADHA MADANI PROGRAMME, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4<br>AGRICULTURE MINISTRY TARGETS RM11M IN SALES THROUGH AIDILADHA MADANI PROGRAMME, SAYA, NEWS, MALAYSIA NANBAN -5<br>KPKM TARGETING RM11 MILLION IN SALES THROUGH AIDILADHA MADANI PROGRAMME, NATION, CHINA PRESS -A3<br>AGRICULTURE MINISTRY TARGETS RM11mil IN SALES THROUGH AIDILADHA MADANI PROGRAMME, NATION, SIN CHEW DAILY -4<br>RM11M TARGET FOR AIDILADHA MADANI SALE, NEWS, THE SUN -2<br>FAMA SASAR JUALAN RM11 JUTA SEMPENA AIDILADHA, NEGARA, KOSMO -16<br>MADANI'S AIDILADHA PROGRAMME EYES RM11mil SALES, NATION, THE STAR -3<br>PROGRAM JUALAN KHAS AIDILADHA SASAR RM11 JUTA, LOKAL, HM -12 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 17.<br>18. | SASAR 10 PERATUS NELAYAN CEBURI PERNIAGAAN HILIRAN, NASIONAL, BH -23<br>LKIM SASAR PENINGKATAN 10 PERATUS NELAYAN TERLIBAT PERNIAGAAN HILIRAN, NEGERI KELANTAN, SH -27 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 19.<br>20.<br>21.<br><br>22. | '300 AYAM RM1 LICIN 10 MINIT', NEGARA, KOSMO -16<br>'LAGI SEDAP MAKAN DURIAN DI DUSUN', NEGARA, KOSMO -14<br>'IKAN RAKYAT' NAIK DI PULAU PINANG, NEGERI SEMBILAN...KELANTAN TURUN, DALAM NEGERI, UM -10<br>WUJUDKAN SKIM PERLINDUNGAN PESAWAH, NASIONAL, SH -23 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | THE STAR | NATION | 2 |

# Mat Sabu: Sufficient food supply for Aidiladha

**KLANG:** There will be adequate supply of food, including meat for the upcoming Hari Raya Aidiladha celebration, says Datuk Seri Mohamad Sabu

The Agriculture and Food Security Minister said authorities will monitor the supply of foods from time to time to ensure it is sufficient.

He said that the ministry, through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) and the National Farmers' Organisation (Nafas), will also intervene if there is a sudden price increase.

"Fama and Nafas will intervene like they did last Ramadan in April.

"We managed to control the price of meat," he told reporters after officiating the 89 Arena Sports Complex here yesterday, Bernama reported.

Meanwhile Mohamad said Fama is planning to open more branches nationwide as part of its efforts to ensure food security in the country.

"Food security has indeed become a global issue, affecting not only Malaysia but the entire world," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | SUARA SARAWAK | ONLINE | |

# Bekalan daging mencukupi untuk keperluan Aidiladha – Mohamad Sabu



Facebook Mohamad Sabu

**KLANG:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bekalan makanan termasuk daging, mencukupi untuk keperluan sambutan Aidiladha minggu ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya akan memastikan perkara itu dan menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa.

Ujarnya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan Persatuan Peladang Kebangsaan (PPK), juga akan membuat intervensi jika berlaku kenaikan harga mengejut barang keperluan itu. “Fama dan PPK akan melakukan ‘interfere’ seperti Ramadan lalu. Alhamdulilah, harga daging dapat dikawal, malah dijual dengan harga yang lebih murah,” katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chan Foong Hin: Freeze on Perak rice sales to out-of-state is a temporary measure | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 26 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 113 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 856 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,568 |



# 冻结霹稻谷卖外州 陈泓缣：暂时措施

（八打灵再也25日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣说，农业部下令冻结霹雳州稻谷申请转卖他州只是暂时的措施，以便让米商竞争给予更好价钱收购稻谷的热潮得以降温。

“我们要照顾广大消费者可以买到每公斤2令吉60仙的本地米，且供应量充足。”

陈泓缣今日出席八打灵再也SS2榴梿鲜生黑刺和猫山王50%折扣快购活动时，针对农业部下令冻结霹州稻谷申请转卖其他州属，被指令正值收割季节的吉辇县稻谷收购价应声下降，稻农不满并呼吁当局解禁一事，作出回应。

他说，之前有人说白米会起价，这是不了解市场的人的反应。其实，进口白米的价格是自由浮动的，本地白米顶价则定在零售价每公斤2令吉60仙。

“现在全球埃尔尼诺现象造成稻谷收成受影响，一些米商可能会高价收购本地稻谷，稻农认为可以卖到一个高价钱。

“但是，这有一个后遗症，当一些商家高价收购白米后，包装为进口米，贵来贵卖，所以无法维持本地米的价格。”

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |

# 'Gorgon' lembu sado satu tan jadi tarikan pengunjung

Oleh HADI AB. MANAP
hadi.manap@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Kehadiran seekor lembu sado jenis piedmontese berasal dari Itali di Melaka Agrofest 2023 yang berlangsung di Dataran Sejarah Ayer Keroh di sini, cukup mengujakan para pengunjung terutama kanak-kanak yang bertandang ke situ.

Manakan tidak, meskipun haiwan yang diberi nama 'Gorgon' itu mempunyai saiz badan besar dan berotot berbanding lembu biasa dengan berat mencecah 1,000 kilogram atau satu tan, ia tidak agresif sebaliknya mesra dengan orang ramai yang mengerumuninya.

Pemiliknya, Maszuli Marito, 51, berkata, sifat lembu sado sememangnya manja berbanding lembu biasa yang mana haiwan itu suka dibelai serta tidak cerewet.

Jelasnya, berdasarkan pengalaman hampir tujuh tahun menternak spesis berkenaan, beratnya boleh mencecah satu tan bagi jantan dan 600 kilogram untuk betina.

"Ramai orang beranggapan lembu sado ini agresif kerana rupa parasnya yang besar berbanding lembu kampung biasa. Tapi, sebenarnya tidak, ia lebih mudah diuruskan dan mesra dengan manusia.




LEMBU sado jenis piedmontese yang diberi nama Gorgon dipamerkan di Melaka Agrofest 2023 di Dataran Sejarah Ayer Keroh, Melaka, semalam.

"Kaedah penjagaan juga tidak cerewet kerana lembu sado ini hanya makan rumput dua kali sehari, mandi juga dua kali sehari. Kita juga ada berikan vitamin sebagai makanan tambahan untuk mengelakkan penyakit dan meningkatkan kesihatannya," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Melaka Agrofest 2023 merupakan penjenamaan semula Hari Peladang, Penternak dan Nelayan yang berlangsung selama tiga hari berakhir semalam.

Tambah Maszuli, seekor lembu sado dengan berat satu tan boleh dijual pada harga RM30,000 bergantung kepada baka haiwan tersebut.

Ujarnya, setakat ini dia memiliki enam jenis baka lembu sado diimport dari Itali, Perancis, Belgium dan Australia yang sesuai diternak mengikut iklim Malaysia.

"Ramai yang bertanya kepada saya, banyak atau tidak kos makanan untuk lembu ini, jawapannya tidak kerana lembu sado jantan hanya sekitar RM15 sehari dan RM10 untuk betina," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11 |

# FAMA jamin bekalan makanan Aidiladha cukup

**SHAH ALAM:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memastikan bekalan makanan sempena Hari Raya Aidiladha mencukupi susulan pelbagai agensi di bawahnya melakukan persediaan awal termasuk meningkatkan stok dalam pasaran.

Pengerusinya, Aminuddin Zulkipli berkata, FAMA kini memantau bekalan daging lembu, ayam, kelapa dan beberapa bahan lain dan mendapati ia cukup untuk kegunaan umat Islam bagi menyambut Aidiladha Khamis ini.

"Kita yakin pengguna tidak menghadapi masalah mendapatkan barang keperluan itu kerana persediaan awal menambah bekalan sentiasa dibuat agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

"Orang ramai tidak perlu gusar mengenai kekurangan bekalan daging dan ayam pada Aidiladha kali ini," katanya pada pelancaran Program Jualan Khas Aidiladha Madani Peringkat Kebangsaan, di sini kelmarin.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | FAMA aims sales volume during Hari Raya Haji hits RM11 million | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 26 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A14b | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 59 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 277 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 831 |



## 超过2万名企业家参与

# FAMA放眼哈芝节销售额1100万

(莎阿南25日讯)农业及粮食安全部自昨天至本月28日推行的昌明哈芝节特别促销活动，放眼取得1100万令吉销售额。

大马联邦农业销售局(FAMA)主席阿米努丁指出，该活动涉及全国203个FAMA销售场所，涵括农业市集、固定农业市集、乡区转型中心及砂督美丹商业中心(Medan Niaga Satok)，超过2万名企业家参与。

他说，民众在购买必需品方面无需担心，因为FAMA将确保上述每个地点的供应充足。

他说："FAMA放眼本次促销活动，鸡肉销售额能录得44万令吉，相等于3万只鸡，牛肉销售额则达22万令吉，相等于6.2吨。"

他今日在莎阿南体育馆农业市集推介全国昌明哈芝节特别促销活动后，对媒体这么说。

阿米努丁也保证在迎接哈芝节之际，牛肉、鸡肉、蔬菜和椰子的供应充足。

他说："除了生鲜例如牛肉、鸡肉和蔬菜之外，消费者也能在昌明哈芝节特别促销活动买到哈芝节各类糕饼，包括马来粽、仁当、竹筒饭和糕点。"#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Government targeting RM11mil sales in Aidiladha Madani programme | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 26 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 141 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,068 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,205 |



# 昌明哈芝节促销 销售可达1100万

（莎阿南25日讯）大马联邦农业销售局（FAMA）主席阿米努丁预计，为期5天的昌明哈芝节特别促销活动，可取得1100万令吉销售额。

农业及粮食安全部从昨天至本月28日推行昌明哈芝节特别促销活动。

## 2万企业家参与

该活动涉及全国203个FAMA销售场所，涵盖农业市集、固定农业市集、乡区转型中心，以及古晋砂督美丹商业中心，超过2万名企业家参与。

他说，民众在购买必需品方面无需担心，因为FAMA将确保上述每个地点的供应充足。

“FAMA放眼本次促销活动，鸡肉销售额能录得44万令吉，相等于3万只鸡，牛肉销售额则达22万令吉，相等于6.2吨。”

他是今日在莎阿南体育馆农业市集推介全国昌明哈芝节特别促销活动后，对媒体这么说。

阿米努丁也保证在迎接哈芝节之际，牛肉、鸡肉、蔬菜和椰子的供应充足。

他说，除了生鲜例如牛肉、鸡肉和蔬菜之外，消费者也能在昌明哈芝节特别促销活动买到哈芝节各类糕饼，包括马来粽、仁当、竹筒饭和糕点。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture ministry targets RM11m in sales through Aidiladha Madani programme, says | | |
| MediaTitle | Malaysian Nanban | | |
| Date | 26 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 65,000 |
| Page No | 5 | Readership | 415,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 171 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 995 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,985 |



# 11 மில்லியன் வெள்ளி என்பது அமைச்சின் விற்பனை இலக்கு

ஷா ஆலம், ஜூன் 26- ஃபாமா என்ற கூட்டரசு விவசாய சந்தை கழகம் மடானி பிரத்தியேக விற்பனை திட்டத்தை நேற்று முன்தினம் அமலுக்கு கொண்டு வந்துள்ளது. இத்தகைய பிரத்தியேக விற்பனை திட்டம் மூலம் 11 மில்லியன் வெள்ளி மதிப்புள்ள விற்பனை இலக்கை சாதிக்க விவசாய அமைச்சு இலக்கினை கொண்டுள்ளது.

நாடு முழுவதும் மொத்தம் 203 பாமா சந்தை மையங்கள் உள்ளன. 20,000 மேற்பட்ட தொழில் முனைவர் இத்திட்டத்தில் சம்பந்தப்பட்டுள்ளனர். விநியோகம் போதிய அளவில் இருப்பதை ஃபாமா உறுதிப்படுத்தும் என்று இதன் தலைவர் அமினுடின் ஷஉல்கிப்ளி தெரிவித்தார்.

உரிய உணவுப் பொருட்கள் தங்களுக்கு கிட்டாது என்று மக்கள் கவலைப்பட வேண்டியது இல்லை. கோழி விற்பனையை பொறுத்தவரையில் பாமா நான்கு லட்சத்து 40,000 வெள்ளி மதிப்புள்ள விற்பனை இலக்கினை கொண்டுள்ளது. விவசாயிகளின் சந்தை, நிரந்தர விவசாயிகளின் சந்தை, புறநகர் உருமாற்று மையம், மேடான் நியாகா சக்தோக ஆகியவை விற்பனை மையங்களாக விளங்கும் என்று அமினுடின் ஷஉல்கிப்ளி தெரிவித்தார்.

நேற்று இங்கு ஃபாமா தலைவர் அமினுடின் ஷஉல்கிப்ளி பிரத்தியேக விற்பனை திட்டத்தை தொடக்கி வைத்தார். ஹரிராயா ஹஜ்ஜுப் பெருநாளை முன்னிட்டு இறைச்சி, கோழி, காய்கறிகள் போன்ற பொருட்களின் விநியோகம் போதிய அளவில் இருக்கும் என்று அமினுடின் விவரித்தார்.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | KPKM targeting RM11 million in sales through Aidiladha Madani programme | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 26 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 113 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,229 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,687 |



# 放眼1100萬銷售額

## 昌明哈芝節特别促銷

（莎阿南25日讯）农业及粮食安全部自昨天至本月28日，推行的昌明哈芝节特别促销活动，放眼取得1100万令吉销售额。

大马联邦农业销售局（FAMA）主席阿米努丁指出，该活动涉及全国203个FAMA销售场所，涵括农业市集、固定农业市集、乡区转型中心，以及砂督美丹商业中心（Medan Niaga Satok），超过2万名企业家参与。

他说，民众在购买必需品方面无需担心，因FAMA将确保每个地点的供应充足。

"FAMA放眼本次促销活动，鸡肉销售额能录得44万令吉相等于3万只鸡，牛肉销售额则达22万令吉相等于6.2吨。"

阿米努丁今日在莎阿南体育馆农业市集推介全国昌明哈芝节特别促销活动后，对媒体这么说。

他也保证在迎接哈芝节之际，牛肉、鸡肉、蔬菜和椰子的供应充足。

他说，除了生鲜例如牛肉、鸡肉和蔬菜之外，消费者也能在昌明哈芝节特别促销活动买到哈芝节各类糕饼，包括马来粽、仁当、竹筒饭和糕点。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Ministry targets RM11mil in sales through Aidiladha Madani programme | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 26 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 101 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,061 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,182 |



# 哈芝節促銷即起舉行

## 農糧部放眼1100萬銷售額

（沙亚南25日讯）农业及粮食安全部自昨天至本月28日推行的昌明哈芝节特别促销活动，放眼取得1100万令吉销售额。

大马联邦农业销售局（FAMA）主席阿米努丁指出，该活动涉及全国203个FAMA销售场所，涵括农业市集、固定农业市集、乡区转型中心，以及砂督美丹商业中心（Medan Niaga Satok），超过2万名企业家参与。

他说，民众在购买必需品方面无需担心，因为FAMA将确保上述每个地点的供应充足。

“FAMA放眼本次促销活动，鸡肉销售额能录得44万令吉相等于3万只鸡，牛肉销售额则达22万令吉相等于6.2吨。”

他今日在沙亚南体育场农业市集推介全国昌明哈芝节特别促销活动后，对媒体这么说。

阿米努丁也保证在迎接哈芝节之际，牛肉、鸡肉、蔬菜和椰子的供应充足。

“除了生鲜食品例如牛肉、鸡肉和蔬菜之外，消费者也能在昌明哈芝节特别促销活动买到哈芝节各类糕饼，包括马来粽、仁当、竹筒饭和糕点。”

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | THE SUN | NEWS | 2 |

# RM11m target for Aidiladha Madani sale

**SHAH ALAM:** The Agriculture and Food Security Ministry is targeting RM11 million in sales through its *Aidiladha Madani* special sale programme implemented by the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

Fama chairman Aminuddin Zulkipli said the programme, which kicked off on Saturday and ends on June 28, involves more than 20,000 entrepreneurs at 203 Fama marketing outlets nationwide.

"Fama will ensure that supplies at these locations are sufficient and people do not have to worry about not getting what they need. Fama is also targeting sales worth RM440,000 for poultry, equivalent to 30,000 chickens as well as meat worth RM220,000, equivalent to 6.2 tonnes, under this sales initiative."

The outlets involved are farmers' markets under Fama, permanent farmers' markets, Rural Transformation Centres and Medan Niaga Satok.

He said this after launching the national-level programme at the Shah Alam stadium farmers' market here yesterday. The launch was also attended by Fama acting director-general Abdul Rashid Bahri. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# FAMA sasar jualan RM11 juta sempena Aidiladha

**SHAH ALAM** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan RM11 juta menerusi program jualan khas Aidiladha Madani yang berlangsung semalam hingga 28 Jun ini.

Pengerusi FAMA, Aminuddin Zulkipli berkata, program jualan khas Aidiladha Madani itu membabitkan lebih 20,000 usahawan di 203 outlet pemasaran Fama seluruh negara.

Jelas beliau, ia termasuk Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Medan Niaga Satok (MNS) sehingga 28 Jun ini.

"Istimewanya program kali ini, orang ramai boleh membeli Kombo Madani, iaitu beberapa bahan masak terdiri daripada seekor ayam, seikat serai, beberapa biji halia dan lengkuas dengan harga RM10 sebakul berbanding RM15 sebelum ini.

"Untuk keseluruhan jualan khas Aidiladha ini, kami sasarkan nilai jualan sebanyak RM11 juta.

"Daripada jumlah itu, kami sasar nilai jualan RM440,000 iaitu bersamaan 30,000 ekor bagi komiditi ayam, manakala komiditi daging pula bernilai RM220,000 bersamaan 6.2 tan metrik," katanya pada pelancaran Program Jualan Khas Aidiladha Madani peringkat kebangsaan di tapak pasar tani Stadium Shah Alam, di sini semalam.

Aminuddin berkata, pihaknya kini sedang memantau bekalan makanan seperti daging lembu, ayam, kelapa dan beberapa bahan lain cukup untuk kegunaan umat Islam bagi menyambut perayaan tersebut.

"Kita yakin pengguna tidak akan menghadapi masalah mendapatkan barang keperluan itu kerana persediaan awal menambah bekalan sentiasa dibuat agensi di bawah kementerian.

"Jadi, orang ramai tidak perlu gusar mengenai kekurangan bekalan daging dan ayam pada Aidiladha kali ini," katanya.

Selain barangan segar, pengguna juga berpeluang mendapatkan juadah Aidiladha seperti ketupat, rendang, lemang dan kuih-muih di program tersebut.




**AMINUDDIN (tiga dari kanan) menunjukkan Kombo Madani yang dijual di pasar tani Stadium Shah Alam, Shah Alam semalam.** – MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

## Inisiatif sebuah pasar raya bantu masyarakat setempat

# '300 ayam RM1 licin 10 minit'

**Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

**MARAN** – Dalam tempoh hanya 10 minit, sebanyak 300 ekor ayam yang dijual pada harga RM1 habis dijual di BS Freshmart Jengka, di sini semlam.

Inisiatif yang dilakukan BS Freshmart Jengka yang menawarkan ayam dengan harga RM1 seekor mendapat sambutan luar biasa daripada masyarakat setempat.

Seorang pembeli Abdul Latif Umar, 62, berkata, dia menunggu dari awal pagi apabila mengetahui ayam dilelong RM1 semalam.

"Saya datang awal hari ini (semalam) selepas mengetahui BS Freshmart menawarkan harga murah sempena pembukaan cawangannya hari ini dan sempena jualan Rahmah.

"Apabila pasar raya buka saya terus ke tempat jualan ayam dan dapat membeli seekor ayam dengan berat lebih sekilogram berharga RM1," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurutnya, inisiatif dilakukan pasar raya itu amat bertepatan dalam membantu meringankan beban pengguna yang berdepan dengan kenaikan kos sara hidup.

Katanya, dia berharap pihak pasar raya berkenaan dapat terus melakukan jualan berkenaan dari semasa ke semasa.

"Selain membeli ayam, saya juga membeli barangan keperluan lain yang dijual dengan harga berpatutan," katanya.

Sementara itu, Pengarah BS Freshmart, Mohammad Rasul Razuan berkata, sebanyak 1,500 ekor ayam disediakan semalam untuk jualan murah ayam RM1 seekor di enam cawangannya.

Katanya, sambutan diterima amat memberangsangkan termasuklah di BS Freshmart Jengka yang dapat menjual 300 ekor ayam dalam masa 10 minit dan jualan akan diteruskan lagi esok dengan 300 ekor lagi.

"Jualan ini adalah salah satu inisiatif pihak BS Freshmart bagi membantu meringankan beban masyarakat dan menyahut seruan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)," katanya.

Cawangan terlibat dengan jualan ayam RM1 ini ialah di Jengka, Jerantut, Pekan, Kuala Rompin, Lipis dan Mersing, Johor.



**MOHAMMAD RASUL (tiga dari kiri) menunjukkan ayam yang dijual dengan harga RM1 seekor di BS Freshmart Jengka di Maran semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/6/2023 | THE STAR | NATION | 3 |

# Madani's Aidiladha programme eyes RM11mil sales

**SHAH ALAM:** The nationwide Aidiladha Madani programme under the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) is expected to generate RM11mil in sales, says its chairman.

Aminuddin Zulkipli said the programme, which started yesterday and will go on until Wednesday, involved more than 20,000 entrepreneurs at 203 Fama marketing outlets.

"Fama will ensure sufficient supplies and shoppers need not worry about not getting what they need," he said after launching the national-level Aidiladha Madani programme at the Shah Alam Stadium farmers' market.

He said Fama was targeting to sell up to 30,000 chickens worth RM440,000 along with 6.2 tonnes of meat worth RM220,000 during the programme.

Outlets involved in the initiative are its farmers' markets, permanent farmers' markets, Rural Transformation Centres and Medan Niaga Satok.

Aminuddin also gave his assurance that the supply of meat, chicken, vegetables and coconuts would be sufficient ahead of the Aidiladha celebration this week.

Consumers would also be able to get Aidiladha delicacies such as ketupat, rendang, lemang and kuih, he added.

At the event, Aminuddin also launched 'Kombo Madani', consisting of one chicken as well as lemongrass, galangal, ginger and turmeric leaves, priced at RM10 and limited to 100 customers. – Bernama



**Special deal for early birds:** People lining up to get 'Kombo Madani' through the Packaged Product Sales Programme in conjunction with the Aidiladha Madani Special Sale at the Section 13 Stadium Farmers' Market yesterday. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 12 |




AMINUDDIN (kiri) pada pelancaran Jualan Khas Aidiladha Madani Peringkat Kebangsaan Tahun 2023M/144H di Pasar Tani Stadium Shah Alam.

# Program jualan khas Aidiladha sasar RM11 juta

**Shah Alam:** Program Jualan Khas Aidiladha Madani yang dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sejak kelmarin hingga 28 Jun menyasarkan nilai jualan sebanyak RM11 juta.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Aminuddin Zulkipli berkata, program itu membabitkan lebih 20,000 usahawan di 203 outlet pemasaran Fama seluruh negara yang merangkumi Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Medan Niaga Satok (MNS).

Beliau berkata, orang ramai tidak perlu khuatir untuk mendapatkan keperluan kerana Fama akan memastikan bekalan di setiap lokasi ini mencukupi.

"Fama menyasarkan nilai jualan bagi komoditi ayam sahaja sebanyak RM440,000 bersamaan 30,000 ekor dan komoditi daging bernilai RM220,000 bersamaan 6.2 tan untuk jualan kali ini," katanya selepas melancarkan Program Jualan Khas Aidiladha Madani peringkat kebangsaan di Pasar Tani Stadium Shah Alam di sini, semalam, yang turut dihadiri pemangku Ketua Pengarah Fama, Abdul Rashid Bahri.

Aminuddin seterusnya memberi jaminan bahawa bekalan daging, ayam, sayur-sayuran dan kelapa adalah mencukupi menjelang sambutan Aidiladha.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 23 |



*Faiz (tengah) menyampaikan bantuan kepada nelayan di Bachok, semalam.* (Foto Nor Amalina Alias/BH)

# Sasar 10 peratus nelayan ceburi perniagaan hiliran

**Bachok:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyasarkan sekurang-kurangnya 10 peratus nelayan menyertai perniagaan hiliran.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil, berkata pembabitan itu bagi memastikan nelayan keluar daripada kepompong kemiskinan dengan menjana lebih pendapatan.

Katanya, perniagaan hiliran yang boleh diusahakan seperti pembuatan keropok, makanan berasaskan ikan dan ekopelancongan perikanan.

"Selain jual segar hasil tangkapan, nelayan perlu kreatif menjana pendapatan. Kita tak mahu mereka terikat dengan kaedah konvensional iaitu pergi ke laut, tangkap ikan dan jual ikan.

"Jika hasil tangkapan diubah kepada keropok atau ikan kering, saya jangka dalam tempoh setahun, jumlah nelayan yang menjadi peniaga akan meningkat," katanya di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah LKIM Kelantan, Khuzaimah Husain, Pengerusi Persatuan Nelayan Kelantan, Mohd Saripudin Ishak dan Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kota Bharu, Asri Mat Yatim.

Muhammad Faiz berkata, setakat ini masih terlalu sedikit nelayan yang menjadi peniaga daripada 84,000 nelayan berdaftar dengan LKIM.

Katanya, LKIM memberi galakan nelayan untuk berniaga dengan memberi bantuan dana, kursus dan keperluan lain kepada nelayan, isteri dan anak-anak mereka menerusi Kumpulan Wanita Nelayan, Kumpulan Belia Nelayan dan PNK.

"Kita menggalakkan mereka dalam sekurang-kurang ada satu aktiviti ekonomi. Contoh PNK Bachok ada perusahaan ikan keli. Lebih 100 PNK ada pasar basah. LKIM juga ada Bahagian Industri Asas Tani sebagai pemudah cara mereka nak berniaga," katanya.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Faiz turut memaklumkan bekalan ikan dalam negara mencukupi dengan kuota 90 tan ikan sejuk beku, ketika ini.

"Kita mensediakan ikan yang menjadi permintaan utama rakyat seperti kembung, selayang dan cencaru menggunakan teknologi pembekuan," katanya.

Beliau berkata, LKIM juga sedang membuat perbincangan dengan penggiat industri bagi membekalkan ikan daripada Sabah ke Semenanjung.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 24 |

# Siswazah hasil 150,000 benih ikan air tawar



Muhammad Azri (kiri) mengusahakan projek benih patin, talapia merah dan keli. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

## Lepasan UMT tumpu bidang akuakultur, penuhi permintaan pasaran

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

**Kuantan:** Pengalaman tujuh tahun dalam bidang akuakultur menjadi landasan kepada seorang siswazah, Muhammad Azri Shariff untuk mengusahakan projek menghasilkan benih patin, talapia merah dan keli.

Muhammad Azri, 26, yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Biologi Marin) dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), kini mampu berbangga dapat menghasilkan lebih 150,000 benih tiga spesies ikan air tawar itu.

Beliau berpuas hati selepas enam bulan beroperasi, pusat pembenihan yang diusahakan di Kampung Sri Fajar, Gambang, dekat sini sudah mula mengeluarkan hasil yang diharapkan.

Katanya, kini terdapat 10 kolam tanah, empat tangki penetasan dan tujuh kolam simen di kawasan seluas lebih 0.81 hektar.

Bagaimanapun, katanya, kemudahan berkenaan tidak mencukupi menghasilkan lebih banyak benih ikan.

"Permintaan terhadap benih patin tidak mencukupi, faktor berkenaan menyebabkan ramai penternak ikan sangkar di Temerloh, Pekan dan Jerantut terpaksa menangguhkan sementara projek ternakan mereka.

"Pusat pengeluaran benih kami tidak mampu menghasilkan lebih banyak benih patin dan talapia merah disebabkan kawasan yang terhad," katanya, di sini kelmarin.

Muhammad Azri berkata, dia menjual benih patin, talapia merah dan keli dengan harga antara 15 sen hingga 42 sen mengikut saiz antara dua hingga empat inci.

### Penuhi permintaan

Katanya, benih yang dihasilkan kini hanya mampu memenuhi permintaan daripada beberapa penternak ikan sangkar di daerah ini, Pekan dan Maran.

Setiap penternak membeli benih sehingga 20,000 ekor, tertakluk pada jumlah sangkar mereka.

"Kebanyakan penternak ikan sangkar di negeri ini bergantung sepenuhnya pada pusat pembenihan di Perak dan Selangor bagi mendapatkan bekalan benih patin dan talapia merah. Apabila pengeluaran benih tidak mencukupi, akibatnya penternak yang menanggung kerugian.

"Di Pahang, tidak banyak pusat pembenihan yang mampu mengeluarkan benih berskala besar, faktor berkenaan menyebabkan penternak terpaksa membeli benih di Perak dan Selangor," katanya yang sebelum ini bertugas sebagai pembantu penyelidik akuakultur di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Kuantan.

Beliau berkata, sokongan rakan kongsi, Jamri Ahmad, 55, menjadi pembakar semangat kepadanya untuk terbabit dalam bidang akuakultur yang turut dibantu seorang pembantu lepasan Politeknik Jeli, Kelantan.

Bagi Jamri, dia menyasarkan untuk mengeluarkan 200,000 hingga 250,000 benih patin sebulan bagi memenuhi permintaan penternak, namun disebabkan kawasan pusat pembenihan yang terhad, dia terpaksa memikirkan kaedah yang terbaik.

"Saya berharap kerajaan negeri dapat membantu kami dengan menyediakan kawasan sesuai untuk dijadikan pusat pembiakan yang akan membekalkan pelbagai benih ikan air tawar bagi menampung permintaan penternak ikan sangkar di Pahang," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | THE STAR | NATION | 12 |



## Marine refuge

One of 12 artificial reefs (tukun tiruan) being deployed by the Terengganu Fisheries Department into the waters off Pulau Kapas, Marang, as part of the Juvenile Trawl Barrier Anchoring Program (Conservation). The move will benefit a total of 8,635 fishermen in the state by enriching Terengganu's fishing resources. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI KELANTAN | 27 |

# LKIM sasar peningkatan 10 peratus nelayan terlibat perniagaan hiliran

**BACHOK -** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyasarkan peningkatan 10 peratus nelayan di seluruh negara untuk menceburi perniagaan hiliran dalam tempoh setahun.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, pemerkasaan itu bagi memastikan lebih ramai nelayan dapat keluar daripada kepompong B40.



MUHAMMAD FAIZ

Menurutnya, setakat ini, terdapat 84,000 nelayan berdaftar di bawah LKM di seluruh negara, namun jumlah mereka yang terlibat dengan perniagaan hiliran masih rendah.

"Sehingga kini LKIM sudah pun menggalakkan bidang perniagaan ini dilakukan oleh kumpulan nelayan melibatkan isteri dan anak-anak mereka di bawah Kumpulan Wanita Nelayan dan Kumpulan Belia Nelayan.

"Pada tahun depan, kami mahukan nelayan lebih kreatif dan berdaya saing dengan mempelbagaikan produk ikan untuk perniagaan, misalnya ikan kering, keropok serta ekopelancongan seperti di Teluk Renjuna Tumpat," katanya sempena Program Rahmah Mesra Madani - Libat Urus Pengerusi LKIM bersama Nelayan Negeri Kelantan di Kemasin di sini pada Ahad.

Turut hadir, Pengarah LKIM Kelantan, Khuzaimah Husain dan Pengerusi Persatuan Nelayan negeri, Mohd Saripundin Isahak.

Muhammad Faiz berkata, LKIM turut menyediakan bantuan dana dan kursus kepada nelayan yang mahu memulakan perniagaan hiliran melalui Bahagian Industri Asas Tani (IAT) LKIM.

Dalam pada itu, menurutnya, keadaan bekalan ikan dalam negara setakat ini masih terkawal dengan kuota 90 metrik tan ikan sejuk beku seperti kembung, selayang dan cencaru dilakukan menggunakan teknologi pembekuan cepat individu (IQF).

"Bekalan tersebut akan digunakan sekiranya keadaan mendesak dan ikan-ikan pula akan sentiasa bertambah.

"Selain itu, bagi menjamin bekalan ikan, LKIM sedang berbincang dengan beberapa pemain industri di Sabah untuk proses membawa ikan-ikan ke Semenanjung," ujarnya.

Pada program itu, Muhammad Faiz turut menyampaikan bantuan berjumlah RM100,000 di bawah Program Peningkatan Pendapatan - Insentif dan Bantuan Peralatan Penangkapan Ikan (*Touch Point*) kepada 160 nelayan daripada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok serta Kota Bharu.

"Bantuan Touch Point bertujuan meningkatkan pendapatan nelayan golongan B40 dan meningkatkan taraf serta kualiti hidup mereka.

"Bantuan ini juga bakal meningkatkan kecekapan dan kemahiran serta produktiviti nelayan," jelas beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |

Orang Johor , Singapura gemar kutip dan kopek raja buah sendiri

# 'Lagi sedap makan durian di dusun'

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING

**PONTIAN** – Penggemar raja buah di selatan tanah air serta pelancong asing terutama warga Singapura kini memilih untuk menikmati durian segar di kebun bersama keluarga.

Pemilik Kebun Durian Tok Ayob, Ayob Ketot, 72, berkata, musim durian gugur sejak pertengahan Mei lalu membuka peluang rezeki apabila ramai pelanggan berkunjung ke kebunnya untuk merasai suasana mengutip, membersihkan dan mengopek sendiri durian.

"Sejak buah durian mula gugur, kebun kami tidak putus-putus dikunjungi 'hantu durian'. Ada datang dari Johor Bahru dan ada juga orang Singapura yang merasai kesegaran buah durian di kebun.

"Mereka bawa keluarga, anak-anak kecil untuk mengutip sendiri buah durian yang gugur. Malah, ada juga pelanggan minta kami untuk ajar mereka cara-cara mengopek buah durian.

"Ini merupakan satu trend orang kita, selain makan buah durian segar, mereka dapat rasai suasana orang kampung kutip buah durian," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Ayob berkata, Dusun Durian Tok Ayob turut menyediakan pakej durian bakul mampu milik serendah RM100 dengan pelbagai jenis varieti.

Ujarnya, hujung minggu terutama hari Khamis sehingga Ahad, pelanggan akan memenuhi kebun seluas 1.2 hektar itu.

Antara varieti raja buah ditanamnya ialah durian kampung, Musang King, IOI, D13 dan lain-lain.

Sementara itu, seorang pengunjung dari Johor Bahru, Roslina Ismail, 42, berkata, dia dan suaminya membawa keluarga bagi merasai keseronokan mengutip buah durian di kebun.

"Setiap kali tiba musim durian, kami sekeluarga terutama anak-anak akan berkunjung ke kebun durian. Dua tahun lepas, kami tidak dapat sebab Covid-19, kini dah boleh masuk kebun.

"Kalau kita beli buah yang dijual di tepi jalan atau pasar borong, kualiti atau kesegaran agak berbeza berbanding makan di kebun.

"Kita boleh pilih buah yang baru gugur, rasa *fresh* panas-panas lagi dan tak sama dengan yang dijual luar kebun.

"Banyak kelebihan, makan di kebun kalau kita kopek, buah mengkal atau tidak elok, boleh terus tukar," katanya.

Seorang lagi penggemar durian, Azizi Majid, 40, berkata, aktiviti makan durian di kebun juga dapat mengisi kualiti masa bersama keluarga.

Katanya, musim durian yang panjang sehingga akhir Oktober memberi peluang kepadanya dan keluarga untuk merasai kenikmatan raja buah untuk tempoh yang lebih lama.

"Kami sudah rasa hampir semua buah-buah durian hasil kebun di daerah-daerah Johor. Buat masa ini, buah durian dari Segamat antara yang paling sedap pernah saya rasa," katanya lagi.



**PELANGGAN** mengutip sendiri durian di kebun Durian Tok Ayob di Pontian baru-baru ini.



**ORANG** ramai datang ke kebun untuk menikmati sendiri kelazatan durian bersama keluarga.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |

# 'Ikan rakyat' naik di Pulau Pinang, Negeri Sembilan... Kelantan turun

**Oleh BADRUL HAFIZAN MAT ISA, SAFINA RAMLI, ROSLIZA MOHAMED, TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF dan ROHANA ISMAIL**
utusannews@mediamulia.com.my

**BALIK PULAU:** Harga 'ikan rakyat' terutama kembung di negeri ini naik mendadak sejak seminggu lalu dipengaruhi hasil tangkapan yang rendah berikutan nelayan tidak dapat ke laut gara-gara cuaca tidak menentu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, purata kenaikan harga ikan naik antara RM2 hingga RM4 sekilogram (kg).

Jenis ikan yang mengalami kenaikan harga adalah ikan kembung (besar) daripada RM12 kepada RM14 per kg; ikan kembung (kecil) daripada RM6 kepada RM8 per kg; ikan selayang (RM10 ke RM12 per kg), ikan tongkol (RM10 kepada RM12 per kg), ikan kerisi (RM10 kepada RM12 per kg) dan ikan selar (RM20 kepada RM24 per kg).

Seorang peniaga, Lai Huat Ling, 60, berkata, harga ikan kembung meningkat kerana bekalan ikan itu kurang di pasaran manakala permintaan ikan berkenaan pula tinggi.

"Berbanding minggu lalu, minggu ini, cuaca tidak menentu dengan keadaan hujan dan angin kuat sehingga menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut.

"Kenaikan harga ikan kembung adalah antara RM2 berbanding minggu lalu, minggu ini harga ikan kembung (besar) naik daripada RM12 kepada RM14 per kg; ikan kembung (kecil) naik daripada RM6 kepada RM8 per kg," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, pelanggan di daerah ini juga tidak gemar membeli ikan sejuk beku dan memilih untuk mendapatkan ikan segar daripada peniaga.

Seorang nelayan di kawasan Pulau Betong, Arshad Omar berkata, selain faktor cuaca, tangkapan ikan kembung pada masa ini sangat berkurangan kerana anak-anak ikan yang belum matang tetap menjadi buruan nelayan yang tamak.

### PENIAGA TIADA PILIHAN

Di Seremban harga ikan mabung dan selar meningkat RM1 sehingga RM2 bagi setiap kilogram.

Peniaga di Pasar Ampangan di sini, Hafiz, 34, turut memaklumkan akan berlaku sedikit peningkatan harga ketika memasuki musim perayaan.

Tambahnya, berbanding harga kira-kira sebulan lepas memang terdapat peningkatan dan ia juga dikaitkan dengan permainan harga di peringkat peraih.

"Rata-rata peniaga di sini mendapat bekalan ikan dari Pasar Besar Seremban dan mereka pula mendapatkan bekalan dari Pasar Selayang. Kami tahu harga ikan di jeti tidak naik, cuma apabila sampai di peringkat peraih dan orang tengah, ia sudah meningkat.

"Seperti ikan mabung hari ini kami menjual sekitar RM26 bagi sekilogram kerana kami dapat dari pembekal juga sekitar RM22 sekilogram. Apabila tiba musim perayaan memang kami dapati terdapat sedikit peningkatan harga," katanya.

Tinjauan di pasar tersebut mendapati ikan selar dan ikan mabung dijual RM24 sehingga RM26 sekilogram.

Di Pasar Besar Seremban pula kedua-dua jenis ikan itu dijual pada harga lebih rendah iaitu sekitar RM14 sehingga RM15 sehingga RM18 sekilogram.

Seorang peniaga, Chong, 51, memberitahu harga ikan yang dijual sememangnya tidak menentu dan ia banyak bergantung kepada hasil tangkapan.

"Jika mahu katakan berlaku peningkatan harga ikan, susah untuk dijangkakan kerana ia tidak menentu. Sekiranya kurangnya hasil tangkapan memang harga akan tinggi sedikit," katanya lagi.

### KELANTAN CATAT PENURUNAN HARGA

Bagaimanpun di Pasar Siti Khajidah, Kota Bharu dan Pasar Tasek Raja, Pasir Mas, Kelantan harga ikan turun RM2 hingga RM5 mengikut gred tertentu selepas mengalami kenaikan sejak beberapa minggu lalu.

Di Pasar Siti Khadijah ikan pelaling dijual RM10 sekilogram (s/kg) berbanding minggu lepas RM12 per kg harga manakala ikan kembung RM12 hingga RM20 per kg mengikut gred berbanding sebelum ini RM25 per kg.

Ikan selar dijual RM12 hingga RM16 per kg berbanding sebelum ini RM25 per kg, ikan selayang RM8 hingga RM10 per kg berbanding sebelum ini RM12 hingga RM16 per kg.

Di Pasar Besar Bandar Tasek Raja harga ikan selayang, cencaru, tongkol dan kembung turun RM4 hingga RM2 kepada RM8 hingga RM12 per kg.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga di Pasar Siti Khadijah, Mohd. Junaidi Mat Nawi 36, berkata, ketika ini bekalan bahan mentah itu mudah diperoleh berbanding dua minggu lalu.

"Harga pula tidak mahal dan saya memperoleh bekalan itu daripada pemborong di Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong," katanya.

Seorang lagi peniaga, Jafar Abdul Rahman, 63, berkata, walaupun bekalan ikan sudah pulih, namun pelanggan kurang membeli pada hari biasa kecuali hujung minggu.

"Mungkin disebabkan harga ikan yang tidak stabil menyebabkan kalangan pelanggan memilih untuk membeli ayam," ujarnya.

Sementara itu di Pasar Tasek Raja Pasir Mas, harga ikan selayang yang mencecah RM16 per kg dua bulan lalu turun sehingga RM4 akibat lambakan sejak minggu lalu.

Seorang peniaga ikan, Aswad Fauzi, 29 memberitahu, harga ikan sudah kembali stabil selepas mengalami kenaikan pada minggu lalu.

Katanya, peningkatan itu berlaku susulan bulan cerah yang menyebabkan bekalan menjadi kurang.

"Saya tidak menolak kemungkinan ikan akan mengalami kenaikan menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha, Khamis ini.



PELANGGAN membeli ikan di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

### LAMBAKAN IKAN PENGARUHI HARGA TURUN DI TERENGGANU

Di Kuala Terengganu lambakan bekalan menyebabkan harga beberapa jenis ikan di pasar basah di daerah ini turun RM1 sehingga RM4 per kg.

Di Pasar Chabang Tiga di sini ikan selayang, kembong, cencaru, tongkol dan pelaling dijual lebih rendah berbanding kebiasaan.

Seorang peniaga, Hamzah Mat Ali, 62, berkata, kekerapan nelayan tempatan turun ke laut dengan hasil yang banyak mendorong kejatuhan harga sumber protein berkenaan.

"Antaranya ikan selayang yang sebelum ini dijual pada harga RM14 sekilogram kini sudah turun RM2 kepada RM12. Malah ada peniaga yang menjual harga serendah RM10 sekilogram.

"Begitu juga ikan jenis cencaru yang berharga RM10 sehingga RM12 sekilogram berbanding RM11 sehingga RM14 sekilogram ketika awal bulan Mei yang lalu," katanya.

Tinjauan di pasar sama turut mendapati harga ikan lain seperti kembong daripada RM24 sekilogram turun sehingga RM20, tongkol daripada RM15 kepada RM12 sekilogram dan pelaling RM12 sekilogram.

Seorang lagi peniaga, Azmi Mohamad, 58, kesemua bekalan ikan diperoleh daripada nelayan di negeri itu membolehkan hasil laut itu dijual pada paras harga yang stabil dan normal.

"Namun, berdasarkan pengalaman, harga ikan mungkin naik sedikit satu atau dua hari sebelum Aidiladha kerana faktor pengangkutan sebelum kembali menurun seminggu kemudian," ujarnya.

Peniaga, Nurul Ainsha Hamzah, 26, pula berkata, harga hanya akan mula melambung tinggi sekiranya berlaku bekalan 'terputus' sehingga peniaga terpaksa mendapatkan ikan dari negeri lain.

"Biasanya apabila situasi itu berlaku, harga ikan akan naik mendadak kerana kami membeli dari pembekal di Kelantan atau Johor dan terpaksa menanggung kos pengangkutan lori.

"Memandangkan sekarang musim bulan gelap, ramai nelayan Terengganu menangkap ikan dengan menghabiskan masa lebih seminggu di tengah laut dengan hasil lumayan," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/6/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 23 |

# Wujudkan skim perlindungan pesawah



Pesawah adalah tulang belakang dan aset negara yang memainkan peranan penting apabila mengusahakan tanaman padi untuk membekalkan sumber makanan utama rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, kebanyakan pesawah terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40) dan mempunyai pendapatan tidak menentu, walaupun mereka bekerja keras membanting tulang bagi menjamin rantaian sekuriti makanan negara.

Dilahirkan dalam kalangan keluarga pesawah padi, Ahli Parlimen Jerlun, Dr Abd Ghani Ahmad mahu nasib golongan terus diberikan perhatian dan taraf kehidupan mereka dipertingkatkan.

Ikuti wawancara wartawan *Sinar Harian*, **NURUL HIDAYAH HAMID** bersama beliau bagi membincangkan isu-isu berkaitan pesawah.

ILUSTRASI: SYED MOHD BADRIL HISHAM/EPIC

AGENDA YB

***SINAR HARIAN:*** **Yang Berhormat (YB) dilihat amat prihatin dan ambil berat tentang isu melibatkan pesawah. Apakah isu-isu melibatkan pesawah yang perlu diberi tumpuan oleh kerajaan dan mengapa ia penting untuk diberi perhatian sewajarnya?**

**DR ABD GHANI:** Ya. Hal ini disebabkan saya dilahirkan di kalangan keluarga pesawah padi di Ayer Hitam, Jerlun. Malah, saya pernah terlibat membantu ayah ke sawah padi ketika musim cuti sekolah sejak Tingkatan Satu hingga Enam sebelum melanjutkan pengajian ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Jadi, saya tahu kesusahan dan jerit perih pesawah dalam mengusahakan sawah. Bagi saya, antara isu melibatkan pesawah perlu diberi tumpuan adalah kebajikan dan masa depan mereka.

Bayangkan nasi yang dihidangkan dalam pinggan di atas meja kita setiap hari adalah hasil dari titik peluh dan keringat pesawah, membanting tulang, berkorban demi menjamin seluruh rakyat Malaysia menikmati makanan asasi ini dengan secukupnya setiap hari. Tetapi, nasib dan kebajikan mereka dikhuatiri terabai dan tidak dipedulikan.

Bagi membalas pengorbanan dan penat lelah para pesawah ini, saya mencadangkan kerajaan mewujudkan skim perlindungan kepada mereka dengan membuat caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) secara percuma kepada semua pesawah yang berdaftar demi menjaga kebajikan mereka.

**Adakah inisiatif sedia ada mencukupi atau perlu penambahbaikan, sekali gus apa usaha boleh dilakukan kerajaan untuk membantu pesawah meningkatkan pendapatan dan hasil pengeluaran padi mereka?**

Pada Mac lepas, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu memaklumkan, kerajaan akan memberi bantuan satu musim sebanyak RM200 sebulan, yang mana pesawah boleh mendapat tambahan sebanyak RM600 sekarang untuk tempoh tiga bulan.

Selain itu, 30 peratus keuntungan daripada syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) akan diperuntukkan kepada petani pada masa akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berunding dengan Bernas supaya sebahagian keuntungan mereka dinikmati oleh para petani.

Antara inisiatif lain termasuklah bantuan tambahan RM250 bagi pesawah di Kedah, Kelantan, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Pahang diberi sebelum Hari Raya Aidilfitri. Bagaimanapun, saya lihat tiada jawapan yang tuntas tentang isu subsidi baja, racun, benih dan menaikkan harga padi.

Sehubungan itu, subsidi input pertanian seperti racun dan baja juga perlu dinaikkan. Mutakhir ini, harga input pertanian tersebut naik mendadak saban tahun iaitu 40 hingga 100 peratus dan ia amat membebankan pesawah.

Saya ambil contoh di Kedah tahun 2023, peruntukan subsidi racun telah dipotong menjadikan subsidi berjumlah RM57.14 sahaja serelung (0.28777 hektar) berbanding tahun lepas sebanyak RM85.71 untuk keluasan sama.

Bagi menggalakkan peningkatan hasil padi, kerajaan perlu menaikkan subsidi pengeluaran padi daripada RM360 per tan metrik kepada RM400 per tan metrik selari dengan kenaikan harga beras di pasaran.

Harga padi juga tidak selaras antara negeri-negeri yang terdapat kawasan sawah padi. Contohnya, di Perak harga padi dibeli oleh pengilang sehingga RM1,300 (satu tan metrik). Di Selangor RM1,350 sedangkan di Kedah dan Perlis hanya RM1,280 sahaja, sedangkan harga beras dijual di pasaran dengan harga yang selaras.

Ini menunjukkan nasib pesawah tidak dibela dengan adil sedangkan merekalah yang menghasilkan padi yang bertukar menjadi beras untuk memenuhi keperluan makanan rakyat dalam negara kita.

Oleh itu, kerajaan disarankan membuat semakan harga lantai padi, dinaikkan dan diselaraskan kepada RM1,400 satu tan metrik di seluruh Malaysia.

**Kenaikan kos input pertanian antara cabaran utama yang membebankan pesawah. Apakah penyelesaian yang boleh disuarakan YB untuk selesaikan masalah ini di Parlimen?**

Jika kerajaan memperkenalkan Menu Rahmah berharga RM5 sebagai alternatif mengurangkan bebanan hidup rakyat, maka kerajaan juga perlu melihat kenaikan kos input pertanian seperti racun dan baja pada setiap masa.

Kenaikan harga racun keluaran tempatan yang melambung tinggi telah mendorong pesawah tempatan beralih menggunakan racun keluaran Thailand dan China. Sedangkan, racun keluaran dua negara tersebut tidak diluluskan pihak berkuasa dan penggunaannya belum lagi diuji selamat terhadap alam sekitar dan pesawah setakat ini.

Sehubungan itu, kerajaan perlu memperkenalkan mekanisme kawalan harga racun dan baja sepertimana kerajaan memperkenalkan Menu Rahmah.

**Sebagai ahli Parlimen Jerlun, bagaimana YB mahu membantu rakyat khususnya golongan pesawah meningkatkan pendapatan mereka?**

Di bawah kluster Industri Makanan dan Keusahawanan, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang merupakan agensi di bawah KPKM juga menjalankan program pembangunan usahawan.

Sehubungan itu, pelbagai aktiviti dijalankan bagi merancakkan ekonomi dan memaksimumkan pendapatan pesawah melalui pelbagai sumber untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong B40.

Selaras dengan itu, pelbagai produk dihasilkan oleh pesawah dan keluarga mereka di bawah inisiatif ini. Bagaimanapun, golongan terbabit gagal memasarkan produk mereka sebagai satu langkah untuk menjana pendapatan sampingan.

Jadi, saya cadangkan kerajaan beri peruntukan khas kepada MADA untuk membuka dan membangunkan sekurang-kurangnya dua pusat pengumpulan produk dan latihan pemasaran di setiap wilayah MADA atau Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) agar pesawah berupaya memasarkan produk mereka atau eksport ke luar negara.

**Inap desa Kampung Jeruju antara tarikan di Parlimen Jerlun. Bagi YB, apa yang perlu dilakukan untuk merancakkan kembali sektor pelancongan di kawasan itu?**

Inap desa Kampung Jeruju ini diuruskan oleh PPK MADA F-II Jerlun. Setakat ini, sebanyak 20 rumah yang diubah suai dan diberi lesen pelaksanaan inap desa tersebut.

Terdapat beberapa aktiviti dengan suasana kampung boleh dilakukan di Kampung Jeruju, termasuklah memancing dan membuat kuih tradisional.

Justeru, saya cadang supaya MADA untuk menaik taraf prasarana di kawasan tersebut, seperti surau sedia ada dilengkapkan dengan bilik air dan tandas selesa untuk kemudahan dan keselesaan pengunjung.

Selain itu, pantai di Kuala Jerlun merupakan lokasi menarik di kawasan ini.

Jadi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama MADA juga perlu menaik taraf kawasan pesisiran pantai dengan fasiliti seperti medan ikan bakar, kawasan rekreasi dan trek sukan berbasikal serta jalan kaki untuk menarik perhatian orang luar untuk melawat kawasan ini.

**PROFIL**

**DR ABD GHANI AHMAD**

**Asal:** Ayer Hitam, Jerlun
**Status:** Berkahwin
**Pendidikan:** Kolej Islam Sultan Alam Shah, Selangor (1988-1989), Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor (1990-1994), Universiti Utara Malaysia, Kedah (2013-2018)
**Jawatan:**
- Ahli Parlimen Jerlun
- Ahli Badan Perhubungan Pas Kedah
- Yang Dipertua Pas Kawasan Jerlun



**Abd Ghani (dua dari kiri) bertemu Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Norizan Khazali (tengah) di Wisma Darul Aman, Alor Setar baru-baru ini.**